

BENGKEL BUSINESS PROCESS SISTEM COUNSELLING2U STAF

Unit Psikologi meneruskan Bengkel Business Process Sistem Counselling2u Staf pada 27 Julai 2022 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Kerjaya & Kaunseling.

Pada bengkel kali ini adalah bertujuan untuk menyemak 'business process' bagi carta alir perkhidmatan sesi kaunseling staf secara sukarela dan rujukan. Semakan terhadap notifikasi mesej juga dibuat bagi melengkapkan proses penyediaan pengurusan sesi kaunseling staf menggunakan sistem counselling2u Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM.



EKSPLO SELANGKAH KE UiTM (ESKU) 2022

SHAH ALAM, 14 JUN 2022 – Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) kembali menemui bakal mahasiswa secara hibrid dan bersemuka selama empat hari bermula 16 – 17 Jun 2022 (atas talian) dan 18 – 19 Jun 2022 secara fizikal bertempat di i-City Convention Centre (iCCC), Shah Alam bermula 8:30 pagi sehingga 5:00 petang. ESKU juga turut diadakan secara fizikal di setiap UiTM Cawangan yang lain.

Pusat Kerjaya dan Kaunseling terlibat dalam memberikan khidmat konsultasi berkaitan bidang yang diminati bakal mahasiswa. Tujuannya untuk memberikan pendedahan dan maklumat yang tepat serta menjawab segala persoalan berkaitan program akademik secara serta merta kepada bakal mahasiswa dan orang ramai. Oleh itu, ESKU 2022 merupakan platform terbaik untuk bakal mahasiswa dalam membuat pilihan yang tepat dan sesuai berdasarkan keputusan yang diperolehi.



PERTANDINGAN KECERIAN DAN HIASAN KEMERDEKAAN JABATAN HEP SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2022

Sempena Menyambut bulan kebangsaan 2022, Pusat Kerjaya dan Kaunseling menjalankan aktiviti keceriaan dan hiasan kemerdekaan bagi menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga PKK. PKK juga menerima tempat ke 4 dalam pertandingan keceriaan dan hiasan kemerdekaan jabatan HEP





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

☎ 03 - 5544 2630/2379/3211/3496

✉ pkk@uitm.edu.my